

14/06/2003

Persiapan Perhimpunan Agung Umno rancak

MENJELANG Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur bermula dengan amanat Presiden kepada ketua bahagian, Selasa ini, pelbagai persiapan rancak dijalankan.

Kain rentang Selamat Datang ke Perhimpunan Agung Umno, 17 hingga 21 Jun digantung pada tiang lampu di sepanjang Jalan Putra yang juga jalan utama menuju PWTC.

Perhimpunan Agung Umno tahun ini dianggap bersejarah kerana ia adalah perhimpunan terakhir dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno sebelum persaraannya, Oktober depan.